

Masalah MIC: Amaran dari Samy Vellu

KUALA LUMPUR, Isnin — Presiden MIC Datuk S.Samy Vellu mengingatkan ahli-ahli dan pegawai-pegawai parti jangan mengeluarkan sebarang kenyataan berhubung dengan masalah atau perkara-perkara yang berkaitan dengan parti.

Katanya, hanya Presiden dan Setiausaha Agung sahaja yang berkuasa mengeluarkan kenyataan berhubung dengan perkara itu.

Menurut beliau, keputusan ini dibuat oleh Jawatankuasa Pusat Kerja Parti dalam mesyuaratnya baru-baru ini.

Oleh itu, sesiapa selain dari Presiden dan Setiausaha Agung mengeluarkan sebarang kenyataan berkenaan parti bermakna menentang keputusan parti, katanya.

Datuk Samy Vellu memberitahu pemberita demikian selepas melawat masyarakat Ceti, semalam.

Tindakan

Datuk Samy Vellu berkata, pegawai-pegawai parti peringkat negeri atau cawangan boleh mengeluarkan kenyataan mengenai kemajuan projek-projek parti ataupun kerja-kerja parti untuk rakyat tetapi bukan mengenai masalah parti.

Katanya, parti akan mengambil tindakan terhadap sesiapa yang melanggar keputusan Jawatankuasa Kerja Pusat walaupun mereka

itu pengerusi di peringkat negeri.

"Kita mahu memberhentikan sekaligus dan untuk selama-lamanya segala cakap yang bukan-bukan ini," katanya.

Masyarakat Ceti yang Datuk Samy Vellu lawati itu merupakan satu masyarakat kecil, tetapi adalah sebahagian dari masyarakat India di sini.

Datuk Samy Vellu berjanji akan memajukan masyarakat Ceti dan membantu projek-projek pembangunan mereka. Beliau mendesak mereka melaburkan simpanan mereka melalui Unit Amanah MIC.

Menurut beliau, unit yang kedua berjaya mengumpulkan \$6 juta dalam masa 45 hari selepas dilancarkan bulan Mei lalu, berbanding dengan unit pertama yang mengumpulkan \$5.6 juta dalam masa dua tahun.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia